

A Lengkapi cerita berikut dengan perkataan yang sesuai.

pelawaan

petang

menculik

buaian

melarikan

menaiki

mesra

sendirian

Di hadapan rumahku ada sebuah taman permainan kanak-kanak. Aku selalu bermain di situ pada waktu (1) _____ sambil ditemani oleh ibu dan kakak.

Pada suatu petang, aku bermain (2) _____ tanpa ditemani sesiapa. Sedang aku asyik bermain (3) _____ sendirian, tiba-tiba datang seorang lelaki yang aku tidak kenali. Lelaki itu memberi aku makanan sambil tersenyum (4) _____.

Lelaki itu mengajak aku (5) _____ keretanya. Aku menerima (6) _____ itu kerana sangkaku dia akan menghantar aku pulang selepas bersiar-siar.

Malang nasibku, rupa-rupanya dia hendak (7) _____ aku. Sebaik sahaja kereta berhenti di simpang, aku terus membuka pintu kereta lalu terus (8) _____ diri.